Logo sekolah

| NAMA: | |
|---|---|
| TINGKATAN: | |

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2022**
**PENDIDIKAN MORAL**

KERTAS 1 **1225/1**
November
2 ½ jam Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan Yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : **Bahagian A** , **Bahagian B** dan **Bahagian C.**
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B** dan **semua** soalan dalam **Bahagian C**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan di dalam kurungan.
6. Sekiranya anda hendaklah menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| **Bahagian** | **Soalan** | **Markah penuh** | **Markah diperoleh** |
| A | 1 | 10 | |
| | 2 | 10 | |
| | 3 | 10 | |
| | 4 | 10 | |
| | 5 | 10 | |
| B | 6 | 10 | |
| | 7 | 10 | |
| C | 8 | 20 | |
| | 9 | 20 | |
| **JUMLAH** | | | |

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

[ Lihat halaman sebelah

## Bahagian A

[ 50 markah ]

*Jawab **semua** soalan*

1. Gambar di bawah menunjukkan sambutan rumah terbuka.



(a) Aktiviti rumah terbuka merupakan norma masyarakat di Malaysia.
Nyatakan maksud norma masyarakat.

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

(b) Jelaskan **dua** contoh norma masyarakat yang terdapat dalam gambar tersebut

(i)……………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

(ii)……………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(c) Huraikan kesan pengabaian norma masyarakat kepada rakyat pelbagai kaum.

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

2. Berikut merupakan petikan akhbar berkaitan remaja lari rumah.

# 2 hilang ingin bebas

## Remaja keluar rumah sejak seminggu lalu tanpa bawa dokumen pengenalan diri

>>Oleh Ahmad Tajol Ansar Ibrahim
ahmadtajol@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Ingin bebas. Ini dilakukan seorang gadis yang sanggup meninggalkan keluarga semata-mata ingin bersama rakan sebaya sejak seminggu lalu walaupun dia sepatutnya meneruskan persekolahan.

Malah, gadis berusia 13 tahun dikenali sebagai Aiza itu tidak membawa sebarang dokumen penting dan hanya berbekalkan RM10 sebagai wang saku.

Dia dipercayai menghilangkan diri bersama seorang lagi rakan sebayanya sejak Rabu lalu dan masih gagal dikesan sehingga kini.

Gadis terbabit dipercayai termakan pujukan dan janji manis beberapa lagi rakan yang baru dikenalinya, selain didakwa mahu mendapatkan kebebasan tanpa sebarang pengawasan daripada keluarga.

Keluarga mangsa sempat menghubungi telefon bimbit milik rakan mangsa yang dikenali Mimi, 13, tetapi mangsa hanya sempat mengucapkan 'Helo' sebelum telefon itu dirampas individu lain dipercayai lelaki.

Kehilangan mangsa didedahkan ibunya yang dikenali Alia, 40, yang sehingga kini runsing memikirkan kehilangan anak kedua daripada tujuh beradik itu. Anaknya itu masih menuntut di sekolah menengah di ibu kota.

Beliau menjelaskan malam sebelum kehilangannya, mangsa menginap di kediaman neneknya di Kampung Baru berbual dengan seorang lelaki dipercayai rakan lelakinya dikenali sebagai Along berusia 16 tahun.

"Bagaimanapun, keesokan harinya dia (Aiza) memaklumkan hendak keluar awal ke sekolah kerana ingin mengikuti program kokurikulum.

"Tanpa mengesyaki sebarang perkara buruk, mangsa diberikan wang saku RM10 sebagai belanja makan," katanya.



AIZA...hilang sejak Rabu lalu



MIMI...dipercayai turut hilang

Bagaimanapun, hingga lewat petang, kelibat mangsa tidak kelihatan dan beberapa hari kemudian satu pesanan ringkas (SMS) diterima daripada mangsa yang memaklumkan dirinya selamat bersama rakannya itu.

Laporan polis dibuat ahli keluarga mangsa di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Harian Metro difahamkan kes berkenaan kemudian dirujuk ke Jabatan Siasatan Jenayah Seksual (D11) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur.

"Kami sekeluarga berharap Aiza kembali ke pangkuan keluarga dan maklumkan kepada kami sekiranya ada kemahuannya yang tidak kami penuhi kerana selama ini kami sekeluarga tidak pernah menolak sebarang permintaannya semata-mata mahu melihatnya gembira.

"Mana-mana individu yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kehilangan ini atau pernah terserempak dengan dua gadis ini boleh terus menghubungi saya di talian 014-7261975 atau memaklumkan kepada mana-mana polis berhampiran," katanya sayu.

(a) Wajarkah tindakan remaja tersebut? Jelaskan

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(b) Bincangkan punca remaja tersebut lari dari rumah.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(c) Terangkan **dua** cara yang boleh dilakukan untuk memupuk integriti dalam keluarga.

(i)………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

(ii)………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]



CamScanner

3. Gambar berikut menunjukkan misi bantuan banjir di Malaysia.



(a) Berdasarkan gambar di atas, jelaskan perasaan anda sekiranya anda ialah mangsa banjir yang menerima bantuan.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

(b) Terangkan **dua** tanggungjawab anda terhadap mangsa bencara alam sebagai sukarelawan.

(i)……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

(ii)……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(c) Huraikan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa banjir tersebut.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]



CamScanner

4. Sarawak mempunyai penduduk pelbagai etnik yang paling banyak di Malaysia. Kesemua kumpulan etnik ini mempunyai Bahasa, kebudayaan dan cara hidup yang tersendiri.



(a) Nyatakan **satu** contoh perayaan dan makanan bagi kaum Iban di Sarawak.

(i) Perayaan:

…………………………………………………………………………………………………

(ii) Makanan:

…………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

(b) Huraikan kepentingan mengekalkan warisan kebudayaan pelbagai kaum.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(c) Jelaskan **satu** tindakan anda berdasarkan situasi di bawah.

(i) Jiran menjemput anda menghadiri majlis perkahwinan ahli keluarganya.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

(ii) Rakan anda memakai pakaian kurang sopan semasa menghadiri majlis tersebut.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]



CamScanner

5. Berikut ialah badan kerajaan yang terlibat dalam program komuniti.

Rukun Tetangga

(a) Nyatakan **dua c**ontoh program komuniti yang dikaitkan dengan logo di atas.

(i) ………………………………………………………………………………………………

(ii) ………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

(b) Jelaskan **dua** kepentingan aktiviti yang dilaksanakan oleh Rukun Tetangga.

(i)………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

(ii)………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(c) Sebagai anggota masyarakat, bagaimanakah anda menyokong program komuniti yang dianjurkan tempat tinggal anda.

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………

[4 markah]



CamScanner

## Bahagian B

[ 10 Markah ]

*Jawab mana-mana **satu** soalan daripada bahagian ini.*

6. Berdasarkan situasi di bawah, cari penyelesaian dengan menggunakan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.




Seorang anggota polis trafik telah menahan seorang pengguna jalan raya yang memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan. Setelah disoal, didapati pemandu tersebut memandu laju kerana membawa ayahnya yang sedang sakit tenat ke hospital.

Pada pendapat anda, adakah Prinsip Keadilan atau Prinsip Keprihatinan yang patut digunakan oleh polis trafik tersebut? Justifikasikan hujah anda. [10 markah]



CamScanner

7. Gambar dibawah berkaitan dengan *'body shamming'*.






*'Body shamming'* yang juga dikenali sebagai sindir badan ialah perbuatan mengutuk, menghina dan mencaci rupa fizikal seseorang. Perbuatan ini ialah satu kesalahan jenayah yang boleh diambil tindakan undang-undang.

Jelaskan implikasi perbuatan *'body shamming'* sekiranya berlaku pada diri anda. [ 10 markah ]

## Bahagian C

[ 40 markah ]

*Jawab* ***semua*** *soalan*

8.







Maklumat 1: Statistik penderaan kanak-kanak

Sumber: *www.bernama.com*

Maklumat 2

(a) Jelaskan perasaan anda setelah melihat statistik di dalam Maklumat 1. Bincangkan tindakan yang patut dilakukan oleh pihak kerajaan, ibu bapa, dan masyarakat dalam mencegah penderaan kanak-kanak.

[10 markah]

(b) Berdasarkan Maklumat 2, huraikan cabaran membentuk keluarga harmoni. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari selain nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

[10 markah]

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………



CamScanner

CamScanner

9. Maklumat berikut berkaitan dengan isu pemanasan global.




(a) Isu pemanasan global perlu diatasi demi kelestarian alam sekitar. Jelaskan punca pemanasan global

[4 markah]

(b) (i) Terangkan kesan pemanasan global terhadap dunia. [8 markah]

(ii) Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara bagi menangani isu diatas. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]



CS CamScanner

CamScanner

CamScanner